

SG Car Sdn Bhd Rasmi Ruang Pameran Proton e.MAS yang Pertama

Pengedar Proton e.MAS pertama di Malaysia rasmi buka di IDCC Shah Alam

Shah Alam, 21 Disember 2024 – Pengedar Proton, SG Car Sdn Bhd (SG Car), secara rasmi telah membuka bilik pameran Proton e.MAS di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam, menjadikannya bilik pameran rasmi pertama bagi jenama Kendaraan Tenaga Baharu (NEV) pengeluar kereta nasional, Proton e.MAS.

Majlis perasmian tersebut dirasmikan dengan kehadiran YB Tuan Lau Weng San, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor; Roslan Abdullah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON; Encik Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET; serta Datuk Andrew Quek, Pemilik Pengedar SG Car.

Menerajui Masa Depan Mobiliti Lestari

Pembukaan pusat pengedar Proton e.MAS yang pertama mencerminkan komitmen PROTON dan SG Car dalam menyediakan penyelesaian automotif lestari bertaraf dunia. Pelancaran ini menandakan langkah penting dalam peralihan Malaysia ke arah mobiliti elektrik.

"Kami berbangga dapat bekerjasama dengan SG Car Sdn Bhd dalam perasmian pusat pengedar Proton e.MAS yang pertama, yang menjadi bukti visi bersama kami untuk membawa mobiliti lestari kepada rakyat Malaysia. Matlamat kami adalah untuk memastikan pusat-pusat pengedar ini bukan sekadar lokasi jualan, tetapi juga pusat pendidikan dan inspirasi dalam memperkenalkan teknologi kenderaan elektrik generasi baharu. Kami komited untuk bekerjasama dengan SG Car dalam menyampaikan pengalaman premium serba elektrik untuk pelanggan Proton e.MAS," kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Meningkatkan Pengalaman Pelanggan dan Memperluas Rangkaian Pengedar

Di bawah pengawasan PRO-NET, pengedar Proton e.MAS akan melaksanakan dan menerapkan piawaian baharu prosedur operasi yang direka untuk meningkatkan pengalaman jualan dan selepas jualan. Semua pembantu jualan di pengedar akan dilatih dengan baik untuk mendidik pengguna EV kali pertama mengenai cara mengendalikan dan menjaga EV mereka dengan betul, sekali gus menambah nilai dan melibatkan pelanggan untuk jenama Proton e.MAS.

"Dengan kemudahan baharu ini, kami yakin bilik pameran ini akan memenuhi keperluan komuniti sambil menyumbang kepada ekonomi tempatan dengan mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor automotif. Saya amat berharap cawangan baharu ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan pelanggan kami tetapi juga menginspirasi penghargaan yang lebih mendalam terhadap masa depan teknologi automotif lestari," kata Datuk Andrew Quek, Pemilik Pengedar SG Car.

PRO-NET telah melantik 37 pengedar di seluruh negara, dengan 30 dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2024. Usaha pengembangan ini diperkukuhkan dengan lawatan pengetahuan R&D baru-baru ini ke Institut Penyelidikan Geely di Hangzhou, China, yang disertai oleh lebih 40 prinsipal pengedar dan eksekutif. Semasa lawatan tersebut, para peserta diperkenalkan dengan teknologi terkini Geely dan memperoleh pandangan yang amat berharga mengenai penjagaan pelanggan EV premium, latihan staf, strategi jualan, dan kecemerlangan operasi.

Berminat Menjadi Pengedar Proton e.MAS? Dengan revolusi EV yang semakin berkembang, misi PRO-NET bukan sahaja untuk memacu penerimaan EV, tetapi juga untuk menyediakan laluan kerjaya bagi mereka yang bersemangat dalam membangunkan dan memupuk ekosistem EV tempatan dengan matlamat mobiliti lestari.

PRO-NET terus mencari rakan kongsi yang bersemangat dan berdedikasi untuk menyertai rangkaian pengedar Proton e.MAS yang sedang berkembang. Jika anda berminat untuk menjadi sebahagian daripada perjalanan kami menuju masa depan yang lestari dan berkuasa elektrik, kami ingin mendengar daripada anda. Emelkan kepada kami di zhaole@proton.com / affendyk@proton.com

Sila ikuti laman web Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna "Proton e.MAS Cars" untuk Facebook dan Xiaohongshu, serta "@protonemasofficial" untuk TikTok dan Instagram untuk kekal terkini.

-Tamat-

About Proton e.MAS

Proton e.MAS is Malaysia's pioneering national electric vehicle and new energy brand, a sub-brand of PROTON and distributed by PRO-NET. Playing a pivotal role in EV adoption and building the brand's ecosystem, Proton e.MAS is dedicated to leading the charge towards sustainable transportation with an unwavering commitment to innovation and excellence. Our expanding network of dealerships, comprehensive aftersales services, and ecosystem ensures that every customer enjoys a seamless and gratifying experience. Our mission, aligned with our parent company PROTON is to INSPIRE CONNECTIONS by consistently delivering Innovative Technology, Reliability, and International standards. Proton e.MAS was unveiled on 12 June 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-219 4581
Email: salawati@proton.com

Faisal Shah Mohamed Shah
Senior Manager Group Communication
Telephone: +6019-321 8897
Email: faisalshah@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Nicholas Nathaniel Raj
H/Advisors Klareco
Telephone: +6017 610 3249
Email: nicholas.raj@h-advisors.global

Joshua Fredrick
H/Advisors Klareco
M: +6012 392 8943
Email: joshua.fredrick@h-advisors.global